

# CPF: MENJAMIN MASA DEPAN WARGA SINGAPURA

SARANAN-SARANAN  
JAWATANKUASA  
SEMAKAN EKONOMI



■ Sistem CPF pada asasnya baik, dan ia telah membantu kita menabung untuk tiga keperluan utama iaitu keperluan persaraan, penjagaan kesihatan dan pemilikan rumah.

■ Tetapi sistem CPF perlu diperhalusi supaya ia kekal relevan dalam sekitaran yang baru.

# JUMLAH WANG MINIMUM



■ Perubahan-perubahan ini perlu dibuat untuk memastikan lebih ramai pencarum CPF sekurang-kurangnya mempunyai simpanan Jumlah Minimum pada usia 55 tahun supaya mereka dapat menerima pendapatan asas ketika meniti tahun-tahun persaraan mereka.

## SARANAN

Naikkan kadar sumbangan Akaun Khas sebanyak 1% mata apabila kadar keseluruhan CPF dipulihkan semula kepada 40%. Jumlah Wang Minimum hendaklah dinaikkan berperingkat-peringkat sehingga melepasi paras \$80,000.

# PERUMAHAN

[tidak termasuk mereka yang membeli flat HDB dengan subsidi pinjaman HDB]




■ Ramai pencarum CPF "kaya aset, miskin wang" apabila mereka bersara kerana mereka telah menggunakan banyak simpanan CPF mereka untuk membeli hartanah.

■ Para pencarum CPF harus membeli rumah yang mereka mampu. Ini akan memberi mereka cukup baki wang tunai dalam akaun CPF mereka untuk menambah pendapatan mereka di usia persaraan.

## SARANAN

**Menghadkan pengeluaran wang CPF bagi pembelian rumah kepada 150% daripada nilai rumah, dan mengurangkan secara beransur-ansur had itu kepada 120% dalam tempoh 5 tahun.**

# MENGEKALKAN PEKERJAAN



■ Dengan bilangan pekerja tua yang semakin meningkat, persaingan yang lebih sengit dan ekonomi yang kian tidak menentu, terdapat keperluan lebih besar untuk menyemak semula sistem gaji berdasarkan usia pekerja.

## SARANAN

■ Bagi pekerja berumur 50-55, tahan sumbangan majikan kepada CPF pada kadar 16% sementara sumbangan pekerja kepada CPF dikurangkan kepada 16% dalam masa beberapa tahun yang akan datang.

■ Mengekalkan sumbangan majikan kepada CPF bagi golongan usia 50-55 pada kadar sekarang hanyalah satu daripada banyak langkah yang perlu diambil untuk meningkatkan daya laku kerja. Kita juga perlu memberi lebih banyak komponen gaji berubah-ubah dan latihan semula kemahiran.

